

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN]

TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan:-

- a) status penyelidikan berkenaan keperluan undang-undang khusus anti buli siber yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian; dan
- b) usaha-usaha bagi memastikan kes buli siber terhadap kanak-kanak dan belia ditangani secara berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status kajian berkenaan keperluan pewujudan Akta Anti Buli Siber oleh Kementerian ini bersama Universiti Multimedia Malaysia (MMU) masih sedang berlangsung dengan mengikut garis masa yang telah ditetapkan.

Beberapa sesi libat urus telah dilaksanakan dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Malaysian *Cyber Consumers Association* (MCCA), United Nations Children's Fund (UNICEF) Malaysia dan pihak-pihak berkepentingan dalam usaha mendapatkan input mengenai keperluan pewujudan Akta Anti Buli Siber.

Pelaksanaan soal selidik berkaitan kajian keperluan akta telah mula diedarkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi dan Badan Peguam Negara mulai 20 November 2020. Tempoh pelaksanaan soal selidik adalah sehingga 4 Disember 2020.

Selain itu, Kerajaan turut menggerakkan program kesedaran dan pendidikan bagi memupuk budaya penggunaan secara bijaksana dan berhemah dalam kalangan pengguna media sosial termasuk golongan kanak-kanak dan belia. Program CyberSAFE (*Cyber Security Awareness For Everyone*), Modul Kesedaran Keselamatan Siber Nasional (MKKSN), Inisiatif Etika Siber Kebangsaan, Keibubapaan siber (*Cyber Parenting*) dan program advokasi seperti Klik dengan Bijak (KDB), Hentikan Buli Siber dan Berita Palsu giat dilaksanakan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bertanggungjawab.

Mesej-mesej mengenai tips penggunaan Internet dalam bentuk yang lebih menarik khususnya untuk kanak-kanak dan belia juga telah dilaksanakan dalam bentuk infografik, video grafik serta klip video melalui platform media sosial seperti *Instagram, Facebook, Youtube* dan *LinkedIn* pengguna.

Selain daripada itu, antara usaha-usaha Kementerian untuk menyampaikan kesedaran kepada rakyat adalah melalui rancangan bual bicara, laporan berita, Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA), infografik media sosial dan media dalam talian serta hebahan program-program radio. Dalam tempoh Januari hingga Oktober 2020, RTM menerusi 4 saluran TV, 34 stesen radio dan 192 akaun media sosialnya telah menyiarkan sejumlah 6,788 hebahan di semua platformnya mengenai bahaya penipuan siber dan salah guna data peribadi. Dalam memastikan mesej berkenaan sampai kepada rakyat, hebahan berkenaan terutamanya menerusi PSA dan infografik masih disiarkan pada setiap masa sehingga kini. RTM juga berusaha memastikan mesej disampaikan dengan cara mesra penonton dan menghiburkan.